

TERMA DAN SYARAT BAGI AKAUN DEPOSIT

Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan risalah yang dikeluarkan oleh pihak Bank mengikut jenis akaun yang dibuka oleh Pelanggan. Mana-mana akaun yang telah dibuka dan sebarang operasi yang dibuat ke atas Akaun Deposit ini adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat yang dinyatakan di bawah:

1. DEFINISI

“**Akaun Deposit**” adalah bermaksud Akaun GIRO, Akaun Simpanan, Akaun Deposit Berjangka atau Akaun Bersama dan termasuk mana-mana akaun baru yang akan diperkenalkan oleh Bank dari semasa ke semasa. Produk-produk yang tertakluk di bawah Terma dan Syarat ini adalah seperti berikut:

NO	JENIS AKAUN DEPOSIT	NAMA PRODUK
1.	Akaun GIRO	AgroPerdana-i
2.	Akaun Simpanan	Simpanan <i>Qard-i</i>
3.	Akaun Simpanan	AgroBSA-i
4.	Akaun Simpanan	AgroTani-i
5.	Akaun Simpanan	AgroTani-i (<i>Foreign</i>)
6.	Akaun Simpanan	AgroMuda-i
7.	Akaun Deposit Berjangka	Fixed Return Islamic Account-i (FRIA-i)
8.	Akaun Deposit Berjangka	Fixed Return Islamic Account-i 45Plus (FRIA-i 45PLUS)
9.	Akaun Deposit Berjangka	AgroPrimaS

“**Akta Institusi Kewangan Pembangunan**” bermaksud Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (Akta 618) seperti dipinda atau disemak dari semasa ke semasa dan termasuk apa-apa pengubahsuaian statutori, pindaan atau enakmen semula dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya.

“**ATM**” bermaksud mesin tunai automatik atau mesin kendalian kad yang menerima kad termasuk tetapi tidak terhad kepada mesin yang dimiliki oleh Bank atau bank-bank atau institusi-institusi kewangan lain di bawah rangkaian MEPS atau rangkaian Visa ATM Global yang mengambil bahagian.

“**Bank**” bermaksud Bank Pertanian Malaysia Berhad atau dikenali sebagai “Agrobank” termasuk cawangan-cawangannya serta penerima serah hak.

“**Baki Pegangan**” bermaksud pada bila-bila masa jumlah yang dianggarkan oleh Bank sebagai apa-apa amaun dan semua Transaksi Kad yang dilaksanakan ke atas kad yang belum didebit daripada Akaun.

“**BNM**” bermaksud Bank Negara Malaysia.

“**Borang Permohonan**” bermaksud Borang Pembukaan Akaun Deposit sebagaimana yang diisi oleh Pelanggan dengan butir-butir yang diperlukan berhubung dengan akaun tersebut.

“**Caj-caj**” bermaksud caj-caj perbankan oleh Bank untuk apa-apa perkhidmatan yang disediakan kepada Pelanggan selaras dengan dasar/arahan/garis panduan daripada BNM.

“**CBP**” bermaksud Cukai Barangan dan Perkhidmatan yang dikenakan di bawah peruntukan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

“**Had Belian**” bermaksud had maksimum yang dibenarkan oleh pemegang kad yang boleh digunakan di ruang kedai peniaga yang dibenarkan.

“**Had Harian**” bermaksud had maksimum dibenarkan yang ditetapkan oleh Bank bagi pengeluaran tunai dan transaksi runcit yang dibuat dalam satu (1) hari.

“Harga Belian Bank” bermaksud jumlah deposit termasuk dengan jumlah keuntungan bagi penyimpanan di dalam Akaun Deposit Berjangka.

“Hari Perniagaan” bermaksud hari di mana bank-bank dan institusi-institusi kewangan lain dibuka untuk perniagaan.

“Hamish Jiddiyah” bermaksud amaun yang diperoleh daripada janji (*wa’d*) Bank untuk membeli Komoditi tersebut daripada Akaun Deposit Berjangka Pelanggan. Nilai tersebut akan dianggap sebagai deposit bercagar (deposit sekuriti) sehingga transaksi jual beli komoditi diselesaikan.

“Kad Agro Visa Debit-i” bermaksud mana-mana kad debit Visa yang dikeluarkan oleh Bank bagi membolehkan pemegang kad mempunyai akses elektronik kepada CASA pemegang kad dan melakukan transaksi tertentu tertakluk kepada terma dan syarat di dalam ini.

“Komoditi” bermaksud komoditi-komoditi yang terlibat di dalam setiap Transaksi Pembelian berkaitan dengan Akaun Deposit Berjangka yang dibenarkan oleh Syariah seperti minyak kelapa sawit mentah, kacang soya/minyak kacang soya mentah, getah/susu getah asli/ SMR, *soap noodle*, biji koko atau apa-apa komoditi yang dinasihatkan oleh pembekal komoditi.

“MEPS” bermaksud Malaysian Electronic Payment System Sdn Bhd.

“MyDebit” bermaksud penggunaan kad bagi pembelian dengan memasukkan PIN ke dalam terminal Pekedai.

“Pelanggan” bermaksud pemegang akaun dan pendeposit termasuk individu, perkongsian, pemilikan tunggal, syarikat, kelab, persatuan, organisasi dan badan-badan berkanun dan di mana yang berkenaan, wakil diri dan pengganti hak milik melainkan dinyatakan sebaliknya di dalam Terma dan Syarat ini atau oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.

“Perbankan Internet” bermaksud sistem perbankan internet yang membolehkan pelanggan Bank melaksanakan transaksi kewangan di laman web kendalian Bank yang selamat.

“PIN” bermaksud nombor pengenalan peribadi yang dikeluarkan kepada pemegang kad.

“POS” bermaksud *“Point Of Sale”*.

“Slip Jualan” bermaksud resit yang dikeluarkan oleh peniaga yang dibenarkan selepas sesuatu transaksi.

“Surat Kuasa Perintah” bermaksud suatu pemberian perwakilan dari Mahkamah Tinggi atau Pentadbir Tanah Daerah secara formal atau rasmi melantik seseorang atau beberapa orang yang diberikan dengan pemberian perwakilan berkenaan dengan kuasa-kuasa untuk menguruskan aset-aset dan liabiliti-liabiliti si mati, sama ada sebagai “Pentadbir” dalam kes pemberian Surat Kuasa Pentadbir atau sebagai “Wasi” dalam kes Geran Probet.

“Tarikh Kemasukan” bermaksud tarikh di mana Pelanggan menandatangani amaun deposit ke dalam Akaun Deposit selaras dengan Borang Permohonan.

“Tarikh Tempoh Sah” bermaksud tarikh luput yang dicetak di atas kad.

“Terma dan Syarat” bermaksud Terma dan Syarat yang dinyatakan di dalam risalah ini dan hendaklah termasuk apa-apa pindaan, perubahan dan penambahan yang dibuat dari semasa ke semasa oleh pihak Bank dan hendaklah terpakai untuk semua jenis akaun melainkan jika dinyatakan jenis Akaun Deposit yang sebaliknya.

“Transaksi Kad” bermaksud transaksi yang dilaksanakan melalui penggunaan kad termasuk tetapi tidak terhad kepada pengeluaran, pembelian runcit, pembelian dalam talian, pemindahan dana, pembayaran bil dan apa-apa perkhidmatan lain yang ditawarkan atau diperkenalkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

“**Transaksi Pembelian**” bermaksud mana-mana Transaksi Pembelian berkaitan dengan Akaun Deposit Berjangka yang telah disempurnakan di antara pihak-pihak bagi penjualan dan pembelian Komoditi berdasarkan pembayaran dengan harga tangguh.

“**Visa**” bermaksud Visa International Service Association, sebuah syarikat yang ditubuhkan di State of Delaware, beribu pejabat di 900 Metro centre Boulevard, Foster City, State of California, United States of America 94404 yang mana Bank adalah ahli utama.

“**Visa Paywave**” bermaksud penggunaan kad dengan menyentuh kad dengan jarak 4cm pada terminal pekedai untuk pembelian.

2. PRINSIP SYARIAH

Prinsip Syariah yang digunakan adalah seperti berikut;

2.1 Qard Bagi Akaun Simpanan dan Akaun GIRO

2.1.1 Qard merujuk kepada kontrak pinjaman wang dari pemberi pinjaman kepada peminjam di mana peminjam adalah terikat untuk membayar balik jumlah yang sama dengan amaun pinjaman. Bank sebagai peminjam dalam situasi ini akan bertanggungjawab untuk membayar balik kesemua deposit dari pihak Pelanggan apabila diminta, tertakluk kepada prosedur Bank.

2.1.2 Pelanggan membenarkan pihak Bank untuk menggunakan wang simpanan tersebut di dalam mana-mana aktiviti perbankan (pembiayaan atau pelaburan) yang tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip Syariah dan yang dibenarkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan dan BNM.

2.2 Tawarruq Bagi Akaun Deposit Berjangka

2.2.1 *Tawarruq* terdiri daripada dua kontrak jual beli. Transaksi pertama melibatkan penjualan Komoditi oleh Penjual (Pelanggan) kepada Pembeli (Bank) secara tangguh. Kemudiannya Pembeli (Bank) pada transaksi jualan yang pertama akan menjual Komoditi tersebut kepada pihak ketiga secara tunai.

2.2.2 Di bawah produk ini, transaksi *Tawarruq* yang berlaku di antara pihak Bank dan Pelanggan adalah pihak Bank akan membeli Komoditi bagi pihak Pelanggan daripada Pembekal Komoditi secara tunai dan seterusnya pihak Bank membeli Komoditi tersebut daripada Pelanggan (Bank sebagai wakil) berdasarkan konsep Syariah *Murabahah* (harga kos dicampur keuntungan) dengan bayaran secara tangguh. Kemudiannya Bank akan menjual Komoditi tersebut kepada Pedagang Komoditi secara tunai.

2.2.3 Bank akan membeli Komoditi tersebut daripada Pelanggan setelah Bank (sebagai wakil Pelanggan) membeli Komoditi tersebut daripada Pembekal Komoditi. Bagi menunjukkan kesungguhan, deposit sekuriti (*Hamish Jiddiyyah*) akan dibayar (sekiranya perlu) dan setelah pembelian komoditi selesai, deposit sekuriti tersebut akan dikira sebagai sebahagian daripada Harga Belian Bank yang perlu dibayar oleh Bank.

2.2.4 Transaksi Perwakilan. Perlantikan pihak Bank sebagai ejen bagi melakukan urusan jual dan beli Komoditi adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di dalam Borang Permohonan Pembukaan Akaun Deposit seperti berikut:

- a. Pelanggan bersetuju bahawa perlantikan Bank sebagai ejen (wakil) berdasarkan prinsip Syariah *Wakalah* (Kontrak Perwakilan) dan Bank menerima pelantikan untuk melaksanakan Transaksi Perwakilan bagi pihak Pelanggan berdasarkan Terma dan Syarat yang dinyatakan.
- b. Sehubungan dengan kuasa, budi bicara, kebenaran dan kewajipan di bawah Terma dan Syarat ini, Bank hendaklah bertindak sebagai ejen yang bukan eksklusif dan terhad setakat yang diperuntukkan dengan nyata dalam Terma dan Syarat ini dan yang berkaitan dengan Transaksi Perwakilan dari semasa ke semasa dan Bank hendaklah sebaliknya tidak dianggap sebagai ejen untuk dan bagi pihak Pelanggan dalam sebarang aspek-aspek yang lain.

- c. Kesemua pihak bersetuju bahawa perlantikan Bank sebagai ejen berkuatkuasa apabila Bank menerima persetujuan daripada Pelanggan untuk perlantikan Bank sebagai ejen Pelanggan melalui Borang Permohonan Pembukaan Akaun Deposit atau mana-mana medium komunikasi yang diterimapakai oleh kesemua pihak.
 - d. Melalui perlantikan ejen tersebut, Bank hendaklah membeli Komoditi bersamaan dengan harga yang dinyatakan oleh Pelanggan secara tunai daripada Pembekal Komoditi. Mana-mana Transaksi Pembelian yang dijalankan bagi pihak Pelanggan, Bank hendaklah mendaftarkan pemilikan Komoditi tersebut atas nama Pelanggan.
 - e. Pelanggan bersetuju bahawa pembelian Komoditi yang dibuat oleh pihak Bank sebagai wakil Pelanggan juga boleh dilaksanakan secara pukal melibatkan pembelian untuk pelanggan-pelanggan lain.
 - f. Pelanggan bersetuju bahawa pembelian yang dibuat oleh Bank sebagai wakil Pelanggan adalah berdasarkan asas sedia ada (*as is where is basis*) dan Pelanggan bersetuju mengeneipkan tanggungan Bank terhadap sebarang kerosakan dan/atau kecacatan barang yang dibeli oleh Bank bagi pihak Pelanggan.
 - g. Pelanggan hendaklah membayar kepada Bank sepertimana harga yang dinyatakan oleh Pelanggan melalui akaun Pelanggan di Bank.
 - h. Pelanggan adalah berhak untuk meminta pada bila-bila masa dari Bank dan Bank hendaklah dalam keadaan sedemikian menyediakan butiran transaksi pembelian yang dibuat oleh Bank bagi pihak Pelanggan.
 - i. Melainkan dinyatakan sebaliknya secara bertulis oleh Pelanggan, setelah selesai setiap Transaksi Pembelian Komoditi, Bank hendaklah membeli Komoditi tersebut daripada Pelanggan (Bank sebagai wakil) berdasarkan konsep Syariah *Murabahah* (harga kos dicampur keuntungan) dengan bayaran secara tangguh. Setiap transaksi Belian *Murabahah* hendaklah dibuat pada tarikh yang sama dimana Transaksi Pembelian Komoditi selesai.
 - j. Setelah selesai transaksi jualan, Bank hendaklah segera memindahkan pemilikan, hak dan kepentingan Komoditi kepada Bank dan Pelanggan hendaklah dengan segera membolehkan Bank mengambilalih pemilikan Komoditi tersebut.
 - k. Pelanggan adalah berhak untuk meminta pada bila-bila masa dari Bank dan Bank hendaklah dalam keadaan sedemikian menyediakan butiran transaksi jualan yang dibuat oleh Bank bagi pihak Pelanggan.
 - l. Pelantikan Bank sebagai agen Pelanggan juga berkuatkuasa bagi aktiviti pembaharuan secara automatik (*auto-renewal*) dan penempatan deposit baru (*new deposit placement*) bagi Pelanggan sedia ada.
- 2.2.5 Belian *Murabahah*. Transaksi Belian *Murabahah* yang akan dilakukan antara pihak Bank dan Pelanggan adalah tertakluk kepada terma dan syarat berikut:
- a. Setelah pihak Bank (sebagai wakil Pelanggan) membeli Komoditi, Bank akan membeli Komoditi tersebut daripada Pelanggan (Bank sebagai wakil) dengan menandatangani tawaran Pembelian *Murabahah* pada Skrip Akad Jual Beli *Murabahah*-(Deposit) dan Bank (sebagai wakil Pelanggan) hendaklah menandatangani penerimaan Belian *Murabahah* pada skrip akad jual beli *Murabahah* (Deposit) yang sama, melainkan dinyatakan sebaliknya secara bertulis oleh Pelanggan sebelum itu bahawa Pelanggan memilih untuk memiliki Komoditi tersebut.
 - b. Belian *Murabahah* di antara Bank dengan Pelanggan (Bank sebagai wakil) hendaklah berlaku pada hari yang sama setelah pihak Bank membeli Komoditi tersebut bagi pihak Pelanggan.

- c. Apabila skrip akad jual beli *Murabahah*-(Deposit) sempurna ditandatangani, Belian *Murabahah* dianggap telah berlaku dan selesai menurut Terma dan Syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini.
- d. Pembayaran Harga Belian Bank bagi setiap Belian *Murabahah* hendaklah dibuat oleh Bank kepada Pelanggan mengikut tatacara yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini.
- e. Kesemua pihak bersetuju bahawa Pelanggan mempunyai hak untuk mengeluarkan apa-apa jumlah Harga Belian Bank daripada akaun Pelanggan di Bank sebelum tarikh matang deposit.
- f. Bagi sebarang penyelesaian awal Harga Jualan yang dibuat oleh Pelanggan berkenaan dengan Belian *Murabahah* sebelum tarikh matang deposit, Pelanggan bersetuju memberi *Ibra'* (rebat) kepada Bank berdasarkan formula yang ditentukan oleh Bank.
- g. Sekiranya deposit sekuriti (*Hamish Jiddiyah*) dibayar secara pendahuluan (*upfront*), Pelanggan bersetuju bahawa deposit sekuriti tersebut tidak boleh digunakan sebelum pelaksanaan Belian *Murabahah* selesai.

3. PEMBUKAAN AKAUN

3.1 Permohonan untuk membuka akaun hendaklah dibuat oleh individu itu sendiri atau wakil yang diberi kuasa oleh komuniti, kelab, persatuan, organisasi dan badan-badan berkanun pada borang yang disediakan oleh pihak Bank dan tertakluk kepada syarat polisi dan prosedur pihak Bank termasuk umur, deposit minimum (seperti jadual di bawah), dan dokumen-dokumen rujukan sokongan seperti yang dikehendaki oleh pihak Bank. Pihak Bank berhak membuat pindaan syarat tersebut dari semasa ke semasa.

NO	NAMA PRODUK	JENIS AKAUN	DEPOSIT MINIMA								
1.	AgroPerdana-i	Individu (Buku) - Warganegara	RM20.00								
		Individu (Bukan Warganegara)	RM50.00								
		Individu / Bukan Individu (Penyata)	RM100.00								
		Agensi Kerajaan / <i>Qard</i> Cash Line	-								
		Akaun Kutipan	RM1,000.00								
2.	Simpanan <i>Qard-i</i>	Individu / Amanah	RM10.00								
		Bersama / Bukan Individu	RM100.00								
3.	AgroBSA-i	Individu / Amanah / Bersama	RM20.00								
4.	AgroTani-i	Individu	RM20.00								
		Bersama / Bukan Individu	RM100.00								
5.	AgroTani-i (<i>Foreign</i>)	Individu / Amanah	RM50.00								
6.	AgroMuda-i	Amanah	RM5.00								
7.	FRIA-i	Individu / Bersama / Bukan Individu	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Tempoh / Pulangan</th> <th>Amaun</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Deposit Sekuriti secara '<i>upfront</i>'</td> <td>RM5,000</td> </tr> <tr> <td>1 bulan</td> <td>RM5,000</td> </tr> <tr> <td>3 bulan & ke atas</td> <td>RM1,000</td> </tr> </tbody> </table>	Tempoh / Pulangan	Amaun	Deposit Sekuriti secara ' <i>upfront</i> '	RM5,000	1 bulan	RM5,000	3 bulan & ke atas	RM1,000
			Tempoh / Pulangan	Amaun							
			Deposit Sekuriti secara ' <i>upfront</i> '	RM5,000							
			1 bulan	RM5,000							
3 bulan & ke atas	RM1,000										

8.	FRIA-i 45PLUS	Individu / Bersama	Tempoh / Pulangan	
			Amaun	
			Deposit Sekuriti secara 'upfront'	RM5,000
			1 bulan	RM5,000
			3 bulan & ke atas	RM1,000
9.	AgroPrimaS	Individu / Bersama / Bukan Individu	RM500.00	

- 3.2 Pihak Bank boleh menolak mana-mana permohonan oleh Pelanggan untuk membuka Akaun Deposit dengan syarat bahawa pihak Bank hendaklah memaklumkan kepada Pelanggan secara bertulis berhubung keengganan pihak Bank tersebut dan jika perlu, untuk memberi nasihat kepada Pelanggan untuk tindakan bantuan selanjutnya.
- 3.3 Pelanggan dikehendaki membuat perisytiharan dan penerimaan bahawa Pelanggan adalah terikat dengan Terma dan Syarat bagi Akaun Deposit dan bersetuju untuk menandatangani di bawah prinsip Syariah yang ditetapkan.
- 3.4 Sebarang jumlah wang yang didepositkan atau apa-apa jumlah wang yang didepositkan seterusnya ke dalam akaun dengan Bank hendaklah berdasarkan prinsip Syariah yang ditetapkan. Pihak Bank adalah berhak untuk menolak mana-mana deposit yang dikategorikan sebagai tidak memenuhi kriteria dan ketetapan Syariah sebagaimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Syariah Bank.
- 3.5 Bagi Akaun Deposit Berjangka, sijil atau penyata akaun akan dikeluarkan oleh pihak Bank kepada Pelanggan setelah akaun tersebut dibuka dan Pelanggan telah menandatangani jumlah simpanan pada Tarikh Kemasukan bagi membolehkan Pelanggan membeli komoditi bagi transaksi *Tawarruq*.
- 3.6 Bagi permohonan Kad Agro Visa Debit-i, Pelanggan hendaklah berusia 12 tahun ke atas (termasuk Bukan Pemastautin Malaysia) semasa tarikh permohonan kad. Sekiranya Akaun Deposit adalah akaun bersama, hanya SATU (1) kad akan dikeluarkan oleh Bank berdasarkan kuasa tandatangan yang diberikan dan dipersetujui oleh pemegang akaun.
- 3.7 Bagi pemilik berdaftar syarikat pemilikan tunggal yang memiliki Akaun GIRO dengan Bank, Pelanggan adalah layak untuk memohon SATU (1) kad di bawah nama syarikat perniagaan tunggal. Kad hanya boleh dipegang atau digunakan oleh pemilik berdaftar syarikat perniagaan tunggal tersebut.
- 3.8 Pemegang kad akan diberikan PIN semasa penyerahan kad dan perlu menukarnya semula kepada PIN peribadi. PIN tersebut adalah bertujuan untuk membuat transaksi di mesin ATM. Pemegang kad hendaklah tidak mendedahkan PIN kepada mana-mana individu dan hendaklah bertanggungjawab kepada Bank bagi mana-mana masukkan debit dalam akaun simpanan akibat daripada mana-mana transaksi yang tidak dibenarkan.
- 3.9 Walau bagaimanapun, Pihak Bank mempunyai hak untuk meluluskan atau menolak sesuatu permohonan kad yang diterima.

4. PENGENDALIAN AKAUN

- 4.1 Bagi Akaun Simpanan, pihak Pelanggan boleh mengeluarkan atau menandatangani wang di ATM/CDM atau di kaunter Bank pada bila-bila masa, tertakluk kepada waktu operasi Bank.
- 4.2 Pelanggan yang ingin membuat pengeluaran wang hendaklah hadir sendiri ke Bank, dengan mengemukakan bukti pengenalan diri serta buku akaun, sijil atau penyata akaun (jika berkenaan). Pengeluaran oleh pihak ketiga adalah tidak dibenarkan.

- 4.3 Bagi Akaun Simpanan, jumlah minima untuk deposit atau pengeluaran melalui Mesin Teler Automatik ("ATM") dan Mesin Deposit Tunai ("CDM") adalah Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) manakala urusan melalui kaunter adalah Ringgit Malaysia Satu (RM1) kecuali penutupan akaun dan baki minima yang perlu dikekalkan di dalam akaun adalah seperti jadual di bawah kecuali bagi akaun AgroPerdana-*i* bagi Jabatan Kerajaan/ Agensi Kerajaan/ Agen Kutipan.

NO	NAMA PRODUK	BAKI MINIMA (RM)
1.	AgroPerdana- <i>i</i> (Penyata)	100.00
2.	AgroPerdana- <i>i</i> (Buku – Warganegara)	10.00
3.	AgroPerdana- <i>i</i> (Buku – Bukan Warganegara)	50.00
4.	Simpanan <i>Qard-i</i>	10.00
5.	AgroBSA- <i>i</i>	20.00
6.	AgroTani- <i>i</i>	10.00
7.	AgroTani- <i>i</i> (Foreign)	10.00
8.	AgroMuda- <i>i</i>	10.00

- 4.4 Bagi penggunaan Kad Agro Visa Debit-*i*, Bank akan menyelenggarakan akaun pemegang kad bagi setiap Kad yang dipegang dan semua transaksi yang dilaksanakan menggunakan Kad dan sebarang yuran hendaklah didebitkan melalui Akaun berkenaan.
- 4.5 Bagi Akaun GIRO AgroPerdana-*i* untuk Jabatan Kerajaan/ Agensi Kerajaan/ Agen Kutipan, baki sifar (0) adalah dibenarkan.
- 4.6 Pengeluaran antara cawangan boleh dibuat oleh pihak Pelanggan sendiri di mana-mana cawangan Bank seluruh Malaysia dengan mengemukakan bukti pengenalan diri serta buku akaun (jika berkenaan). Jumlah pengeluaran tunai yang dibenarkan tanpa notis adalah tertakluk kepada polisi semasa Bank.
- 4.7 Tiada had nilai pengeluaran cek antara cawangan dan tertakluk kepada baki tunai akaun Bank di cawangan berkenaan.
- 4.8 Akaun akan ditutup apabila Pelanggan mengeluarkan keseluruhan baki dalam akaun.
- 4.9 Pihak Bank adalah berhak untuk menutup mana-mana akaun Pelanggan dengan memberi notis terlebih dahulu secara bertulis dan pihak Bank tidak terikat untuk mengemukakan sebarang sebab.
- 4.10 Caj perkhidmatan sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10)(tertakluk pada CBP berkadar sifar (0%) berkuatkuasa 1 Jun 2018), sekiranya berkenaan, akan dikenakan terhadap akaun yang ditutup kurang dari tempoh tiga (3) bulan dari tarikh ia dibuka.
- 4.11 Akaun Deposit akan ditutup secara automatik sekiranya ia berbaki sifar (0) bagi enam (6) bulan berturut-turut. Notis akan dikeluarkan kepada Pelanggan sebelum penutupan secara automatik dilakukan.
- 4.12 Proses pembukaan, pengendalian dan penutupan Akaun Deposit adalah tertakluk sepenuhnya kepada budi bicara pihak Bank.

5. PENGGUNAAN KAD AGRO VISA DEBIT-*i*

- 5.1 Apabila menerima kad, pemegang kad hendaklah mengesahkan kad untuk penggunaan dengan menandatangani pada panel tandatangan di belakang kad. Pemegang kad juga akan diberikan PIN untuk Kad. Pemegang kad tidak boleh pada bila-bila masa mendedahkan PIN kepada mana-mana orang di dalam apa jua keadaan atau dengan apa cara sekalipun sama ada secara sukarela atau sebaliknya. Dengan menggunakan kad, pemegang kad bersetuju untuk terikat sepenuhnya dengan Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini (seperti yang mungkin diubah oleh Bank dari semasa ke

semasa dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari kalendar).

- 5.2 Pemegang kad hanya boleh menggunakan kad tersebut untuk pembelian dan pembayaran di cawangan perniagaan yang patuh Syariah sahaja. Pemegang kad harus mengaku dan bersetuju dan mematuhi bahawa jika kad itu digunakan untuk pembelian dan pembayaran di cawangan perniagaan yang tidak patuh Syariah, Bank berhak untuk menarik, menggantung dan/atau membatalkan penggunaan kad tersebut.
- 5.3 Pemegang kad hendaklah tidak membenarkan pihak ketiga untuk menggunakan kad dan tidak boleh memindah milik, atau menyerahkan kawalan atau pemilikan kad, atau menggunakan kad untuk tujuan yang tidak dibenarkan oleh Bank.
- 5.4 Sekiranya pemegang kad menggunakan kad untuk pembelian barangan dan/atau perkhidmatan menerusi Internet, laman web atau portal, pemegang kad hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan penggunaannya pada setiap masa. Pemegang kad bersetuju bahawa memasukkan maklumat kad di Internet hendaklah menjadi bukti mencukupi tentang kesahihan arahan yang telah dibuat. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap penggunaan kad sedemikian tanpa mengambil kira sama ada individu tersebut diberi kebenaran atau tidak dan tanpa mengambil kira keadaan semasa transaksi berlaku. Walau bagaimanapun, Bank berhak atas budi bicaranya untuk tidak menyempurnakan transaksi sedemikian menerusi Perbankan Internet sekiranya Bank mempunyai sebab untuk meragui kesahihannya atau berpendapat bahawa transaksi tersebut tidak sah di sisi undang-undang atau sebaliknya tidak wajar untuk dilakukan atau atas sebarang sebab lain.
- 5.5 Pemrosesan transaksi yang dibuat menggunakan kad debit akan ditentukan oleh peniaga kedai.
- 5.6 Kad Agro Visa Debit-*i* tidak boleh digunakan untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang. Bank mempunyai hak untuk menamatkan kemudahan Kad Agro Visa Debit-*i* jika pemegang kad didapati menggunakan kad untuk aktiviti yang tidak sah.

6. PENGGUNAAN KAD AGRO VISA DEBIT-*i* BAGI TRANSAKSI LUAR NEGARA

- 6.1 Apabila pemegang kad menggunakan kad di luar Malaysia, transaksi hendaklah dicaj dalam mata wang rasmi negara berkenaan dan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada kadar tukaran dan pada masa yang ditentukan oleh Visa atau mana-mana pemilik jenama lain yang mana Bank merupakan ahli, atas budi bicara.
- 6.2 Bagi yang mana berkenaan, pemegang kad hendaklah memberi kuasa kepada Bank untuk mengambil langkah-langkah yang perlu bagi mematuhi Peraturan Kawalan Pertukaran Asing yang dikeluarkan oleh BNM berkaitan apa-apa transaksi luar negara.
- 6.3 Pemegang kad juga hendaklah memaklumkan Bank tentang hasratnya untuk berada di luar Malaysia bagi tempoh lebih daripada tiga puluh (30) hari.

7. PEMBAYARAN BALIK SELEPAS TRANSAKSI KAD AGRO VISA DEBIT-*i*

- 7.1 Bank tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan oleh mana-mana peniaga runcit atau dalam talian walau apapun sebabnya, termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana keengganan untuk menerima kad atau apa-apa pernyataan atau komunikasi lain yang dibuat berkaitan dengannya, atau apa-apa kecacatan atau kekurangan dalam barang-barang atau perkhidmatan. Pemegang kad hendaklah berhubung secara langsung dengan peniaga yang dibenarkan mengenai sebarang tuntutan atau pertikaian dan tidak akan mempertikaikan sebarang bayaran yang dibuat oleh Bank dari akaun pemegang kad dalam tuntutan atau pertikaian tersebut.
- 7.2 Dalam keadaan tertentu, peraturan skim kad membenarkan pemegang kad untuk caj sesuatu transaksi kembali kepada peniaga yang dengannya transaksi telah dibuat sama ada dalam jumlah penuh atau sebahagian darinya (jika hak untuk pembayaran balik dibenarkan) tertakluk kepada aduan atau pertikaian secara bertulis telah dibuat kepada Bank oleh pemegang kad dalam tempoh **dua puluh satu (21)** hari kalendar dari tarikh pengeposan urusniaga tersebut di dalam penyata akaun pemegang

kad dan pemegang kad telah menyediakan maklumat yang perlu yang diminta oleh Bank untuk menyokong pembayaran balik dalam tempoh yang diminta.

- 7.3 Walau apapun dan tanpa menjejaskan keluasan klausa di dalam Terma dan Syarat ini, pemegang kad bersetuju secara nyata bahawa penggunaan Kad adalah atas risiko sendiri dan akan menanggung semua risiko yang berkaitan dengan atau yang timbul daripada penggunaan Kad.

8. BUDI BICARA BANK BAGI PEMEGANG KAD AGRO VISA DEBIT-i

- 8.1 Bank berhak, pada bila-bila masa mengikut budi bicara dan tanpa memberi notis atau sebab terlebih dahulu untuk menolak sebarang Transaksi Kad yang dikemukakan walaupun baki semasa dalam Akaun Pemegang Kad membolehkan Transaksi Kad yang dikemukakan itu.
- 8.2 Bank berhak mengikut budi bicaranya tanpa memberi sebarang sebab untuk : -
- a. Menggantung hak Pemegang Kad untuk menggunakan Kad atas sebab-sebab keselamatan, sepenuhnya atau berkenaan dengan kemudahan tertentu, dan / atau
 - b. Enggan mengeluarkan semula, memperbaharui atau menggantikan Kad, tanpa menjejaskan obligasi Pemegang Kad di bawah Perjanjian ini yang akan terus berkuatkuasa dan tiada pembayaran balik yuran tahunan akan dipulangkan jika hak untuk menggunakan Kad digantung sedemikian oleh Bank atau jika Kad tidak diperbaharui atau diganti.
 - c. Menggantung hak Pemegang Kad untuk menggunakan Kad sepenuhnya atau berkenaan dengan keistimewaan bagi apa-apa urusan niaga dengan perniagaan tidak halal / aktiviti tidak patuh Syariah.

9. PENGECUALIAN LIABILITI BAGI PENGGUNAAN KAD AGRO VISA DEBIT-i

- 9.1 Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas keengganan mana-mana peniaga atau institusi ahli Visa untuk menunaikan atau menerima Kad atau untuk apa-apa kecacatan atau kekurangan dalam barangan atau perkhidmatan yang dibekalkan kepada Pemegang Kad atau mana-mana pihak lain oleh mana-mana peniaga. Sebarang aduan oleh Pemegang Kad hendaklah diselesaikan secara terus dengan peniaga dan institusi ahli Visa berkenaan dan tiada tuntutan terhadap peniaga atau institusi ahli Visa tersebut boleh ditolak dan dibuat tuntutan balas terhadap Bank.
- 9.2 Bank tidak akan bertanggungjawab atas apa jua sebab ke atas gantirugi yang ditanggung atau kerugian yang dialami oleh Pemegang Kad dalam apa jua keadaan sama ada atau tidak keadaan tersebut berkaitan atau timbul daripada Perjanjian ini termasuk tetapi tidak terhad kepada keadaan Kad tidak diterima atas apa-apa sebab jua oleh mana-mana peniaga, orang atau badan, penolakan Kad oleh mana-mana ATM, sekatan kerana tidak memperbaharui Kad atau pembatalan kemudahan atau di bawah mana-mana keadaan dimana Bank akan bertanggungjawab untuk bertindak dengan munasabah bagi melindungi hak-haknya di bawah peruntukan-peruntukan Terma dan Syarat ini.
- 9.3 Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya ia tidak dapat melaksanakan tanggungjawabnya di bawah Terma dan Syarat ini disebabkan, secara langsung atau tidak langsung, kepada mana-mana pertikaian perusahaan, peperangan, bencana alam atau apa-apa yang di luar kawalan Bank, pekerjaannya atau agennya.
- 9.4 Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara bagi apa-apa kecederaan kepada watak dan reputasi Pemegang Kad di dalam dan tentang penarikbalikan Kad atau apa-apa permintaan untuk dipulangkan.
- 9.5 Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa-apa cara kepada pemegang kad atas sebarang kesukaran, kerugian, kerosakan atau rasa malu dalam apa jua bentuk yang disebabkan oleh atau yang timbul daripada apa-apa penafian transaksi yang dikemukakan.
- 9.6 Pemegang kad tidak boleh menyerahkan haknya di bawah Terma dan Syarat ini.

10. PEMBAYARAN HIBAH / KEUNTUNGAN**10.1 Akaun Simpanan dan Akaun GIRO**

Pembayaran *hibah* adalah tertakluk kepada budi bicara pihak Bank. *Hibah* (sekiranya ada) akan dibayar kepada pihak Pelanggan pada kadar yang ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa dan akan dikredit pada setiap bulan atau pada jangka masa yang ditentukan oleh pihak Bank. *Hibah* (sekiranya ada) akan dikira setiap hari atau dengan apa-apa cara yang dianggap munasabah oleh Bank.

10.2 Akaun Deposit Berjangka

- a) Pembayaran kadar keuntungan oleh pihak Bank kepada pihak Pelanggan adalah berdasarkan kadar yang dipersetujui oleh kedua pihak dan berdasarkan formula berikut:

$$\text{Pengiraan Keuntungan} = \frac{\text{Kadar Keuntungan} \times \text{Jumlah Deposit} \times \text{Bilangan hari}}{365 @ 366}$$

- b) Jika pengeluaran pramatang dibuat dalam tempoh kurang tiga (3) bulan dari tarikh deposit, Pelanggan akan memberikan rebat/*ibra'* di mana Bank tidak akan membayar apa-apa keuntungan kepada Pelanggan dan Pelanggan akan menanggung Fi Broker sebanyak 0.05% dari jumlah deposit atau RM50; yang mana lebih rendah dan tertakluk pada CBP berkadar sifar (0%) berkuatkuasa 1 Jun 2018.
- c) Jika pengeluaran dibuat selepas tempoh tiga (3) bulan dari tarikh deposit tetapi sebelum tarikh matang, Pelanggan bersetuju memberi rebat/*ibra'* secara pro-rata berdasarkan formula yang ditentukan oleh Bank.
- d) Walau bagaimanapun, Pelanggan yang mengambil deposit sekuriti secara *upfront*, Pelanggan hanya menerima 50% daripada jumlah keuntungan pro-rata, sebagai contoh:

Tarikh pembukaan FRIA-*i* pada 02/02/2014
Tarikh matang FRIA-*i* adalah pada 02/02/2015
Tempoh : 12 bulan
Kadar Keuntungan : 3.50%
Tarikh pengeluaran pra-matang pada 02/06/2014

$$\begin{aligned} \text{Formula} &= P - K + (P \times R \times t/365 @ 366 \times 50\%) \\ &= \text{RM5,000.00} - \text{RM175.00} + (\text{RM5,000} \times 3.5\% \times 120/365 @ 366 \times 50\%) \\ &= \text{RM4,853.77} \\ &(*\text{Pengiraan Deposit Berjangka bergantung pada tahun tersebut.}) \end{aligned}$$

- e) Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Bank berhak untuk menolak daripada amaun deposit rebat/*ibra'* yang diberikan oleh Pelanggan kepada Bank.
- f) Pelanggan dengan ini bersetuju dengan apa-apa jumlah yang Bank telah tetapkan untuk dibayar olehnya kepada Pelanggan di bawah Akaun tersebut adalah muktamad dan mengikat Pelanggan kecuali terdapat kesalahan yang nyata.
- g) Sekiranya tarikh matang deposit jatuh bukan pada Hari Perniagaan, Bank berhak melaksanakan pembayaran pada Hari Perniagaan berikutnya.
- h) Bagi Akaun Deposit Berjangka, melainkan Pelanggan mengemukakan suatu notis bertulis kepada Bank untuk menamatkan akaun tersebut pada tarikh matang, satu transaksi pembelian yang baru akan berkuatkuasa berdasarkan pelantikan ejen yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini dan tempoh deposit adalah selaras dengan tempoh yang dinyatakan dalam Borang Pembukaan Akaun.

11. BUKU SIMPANAN DAN SIJIL

- 11.1 Pelanggan perlu memastikan Buku Simpanan dan/atau Sijil disimpan dengan selamat dan dikehendaki melaporkan kepada Bank dengan segera secara bertulis berkenaan kehilangan, kecurian atau kemusnahan Buku Simpanan dan/atau Sijil tersebut. Sekiranya Buku Simpanan dan/atau Sijil hilang, dicuri, atau musnah, Pelanggan hendaklah mengemukakan kepada Bank surat ganti rugi mengikut standard Bank yang telah disetem dengan kos dan caj-caj yang sewajarnya telah pun dibayar oleh Pelanggan (sekiranya ada) sebelum pembayaran boleh dibuat atau satu salinan Sijil boleh dikemukakan semula atau Buku Simpanan baru boleh dikeluarkan oleh Bank.

12. PENYATA AKAUN (AGROPERDANA-i SAHAJA)

- 12.1 Penyata akan dihantar pada setiap bulan jika terdapat transaksi pada bulan tersebut.
- 12.2 Penyata berakhir 30 Jun dan 30 Disember akan dihantar kepada semua pemegang akaun.
- 12.3 Penyata yang dikeluarkan atas permintaan pelanggan pada bila-bila masa adalah tertakluk kepada Caj Perkhidmatan (tertakluk pada CBP berkadar sifar (0%) berkuatkuasa 1 Jun 2018).
- 12.4 Pelanggan dikehendaki memeriksa setiap butiran pada penyata yang dihantar dan dengan kadar segera melaporkan kepada Bank sekiranya terdapat kesalahan, ketidakaturan, perselisihan, tuntutan ataupun pengeluaran yang tidak dibenarkan atau mana-mana butiran yang dibuat, diproses atau dibayar hasil daripada pemalsuan, penipuan, kurang kuasa, kecuaiian atau pengeluaran dari pihak ketiga. Sekiranya tiada bantahan diterima oleh pihak Bank dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penyata dikeluarkan, penyata tersebut akan dianggap betul dan tepat.

13. MESIN TELER AUTOMATIK (“ATM”)

- 13.1 Kad ATM akan dikeluarkan untuk semua akaun yang berkenaan dan bagi akaun bersama penandatanganan adalah salah seorang dari pemegang akaun. Caj sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) (tertakluk pada CBP berkadar sifar (0%) berkuatkuasa 1 Jun 2018) akan dikenakan secara tahunan bagi pengeluaran kad ATM/ VISA Debit-*i*.
- 13.2 Caj sebanyak Ringgit Malaysia Satu (RM1) (tertakluk pada CBP berkadar sifar (0%) berkuatkuasa 1 Jun 2018) akan dikenakan bagi setiap pengeluaran menggunakan ATM melalui MEPS. Caj sebanyak Ringgit Malaysia Dua Belas (RM12) (tertakluk pada CBP berkadar sifar (0%) berkuatkuasa 1 Jun 2018) akan dikenakan bagi menggantikan kad ATM/ VISA Debit-*i* yang hilang.

14. AKAUN DORMAN

- 14.1 Akaun dormant ditakrifkan sebagai akaun tidak aktif yang tidak mempunyai sebarang transaksi (pengeluaran atau deposit) samada melalui kaunter, ATM atau Perbankan Internet selama dua belas (12) bulan berturut-turut atau lebih dan dikira dari transaksi terakhir yang dibuat oleh Pelanggan. Namun begitu, pengecualian diberikan kepada Akaun GIRO Agro Perdana-*i Qard* Jabatan Kerajaan/ Agen Kutipan.
- 14.2 Notis akan diberikan oleh pihak Bank kepada Pelanggan secara persendirian atau secara umum yang boleh dibaca oleh pihak Pelanggan.
- 14.3 Apabila akaun dianggap sebagai dormant, Pelanggan boleh memilih untuk mengaktifkan semula akaun atau menutup akaun tersebut. Pengaktifan semula akaun boleh dilakukan oleh Pelanggan sahaja (Pemegang Akaun) dengan mendeposit atau membuat pengeluaran di mana-mana cawangan Bank (melalui Kaunter Bank sahaja).
- 14.4 Jika tiada pengaktifan dari pihak Pelanggan, Bank berhak untuk menutup akaun tersebut dengan baki yang dinyatakan akan diserap oleh pihak Bank sebagai Yuran Perkhidmatan. Caj perkhidmatan tahunan yang dikenakan adalah sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) (tertakluk pada CBP berkadar sifar (0%) berkuatkuasa 1 Jun 2018) dan akan ditolak dari Akaun Deposit Pelanggan.

- 14.5 Bagi Akaun Dorman yang berbaki melebihi Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10), caj perkhidmatan tahunan akan dikenakan sehingga baki deposit dihantar ke Pendaftar Wang Tak Dituntut mengikut Akta Wang Tak Dituntut 1965 (Akta Wang Tak Dituntut).

15. WANG TAK DI TUNTUT

- 15.1 Di bawah Akta Wang Tak Dituntut, mana-mana wang yang ada di dalam kredit sesuatu akaun yang tidak beroperasi dengan apa cara sekalipun oleh pihak Pelanggan bagi tempoh tidak kurang daripada tujuh (7) tahun akan diklasifikasikan sebagai "Wang Tak Dituntut". Pelanggan akan diberi notis sekurang-kurangnya 21 hari sebelum wang tersebut dihantar kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut.

16. PERTUKARAN BUTIRAN

- 16.1 Tiada perubahan alamat, tandatangan dan / atau butiran lain yang direkodkan dengan pihak Bank akan berkuat kuasa melainkan Pelanggan telah memberi notis kepada pihak Bank berkaitan perubahan butiran dan apa-apa yang tidak akan terjejas dengan notis perubahan butiran yang mana pihak Bank tidak mempunyai pengetahuan pada masa sesuatu perubahan itu dibuat.
- 16.2 Pelanggan dikehendaki memberitahu pihak Bank secara bertulis dengan kadar segera sekiranya terdapat perubahan tandatangan, penukaran rakan kongsi (untuk Akaun Perkongsian), penukaran pemegang amanah (untuk Akaun Persatuan), penukaran pertubuhan (untuk Akaun Syarikat), penukaran alamat ataupun sebarang maklumat penting di dalam rekod pihak Bank.

17. AKAUN BERSAMA

- 17.1 Pelanggan memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk memasukkan kesemua jumlah yang diterima oleh pihak Bank melalui cek atau instrumen boleh niaga dibayar kepada salah seorang dari pemegang akaun bersama untuk dimasukkan ke dalam akaun bersama dan menyerahkan sebarang instrumen boleh niaga atau cek yang mungkin disimpan oleh pihak Bank kepada salah seorang dari pemegang akaun bersama.
- 17.2 Jika Bank ragu-ragu tentang apa-apa arahan yang diberikan oleh salah seorang daripada pemegang akaun bersama atau lebih berkaitan dengan pengendalian akaun bersama, Bank berhak meminta pengesahan bertulis daripada semua pemegang akaun bersama sebelum melaksanakan arahan tersebut tanpa bertanggungjawab terhadap sesiapa daripada pemegang akaun bersama kerana berbuat demikian.
- 17.3 Semua pemegang akaun bersama dan berasingan bagi semua transaksi yang timbul daripada arahan tersebut. Jika Bank menerima arahan yang bercanggah, Bank boleh memilih untuk bertindak hanya menurut mandat kesemua pemegang akaun bersama dan tidak akan bertanggungjawab atau bertanggungjawab terhadap walau apa-apa kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, kos, perbelanjaan dan ganti rugi sekalipun disebabkan oleh keengganan Bank untuk bertindak tanpa mandat tersebut.
- 17.4 Pemegang akaun bersama hendaklah mengaku janji secara bersama dan berasingan untuk melindungi dan menjamin pihak Bank daripada sebarang kerugian, kerosakan, tuntutan, percabaran, kos perbelanjaan dan apa jua liabiliti ketika mana dan di mana ia berlaku disebabkan oleh arahan dari mana-mana pemegang akaun bersama.
- 17.5 Pemegang akaun bersama bersetuju membenarkan, sekiranya berlaku kematian di antara pemegang akaun bersama, segala transaksi termasuk pengaktifan, pengeluaran wang dan penutupan akaun bersama akan dikendalikan sepenuhnya oleh pemegang akaun bersama yang masih hidup.

18. AKAUN SI MATI

- 18.1 Bagi semua jenis akaun selain akaun bersama, pemohon boleh membuat tuntutan ke atas akaun si mati dan/atau simpanan yang melibatkan si mati sehingga RM3,000, tertakluk kepada Bank ditanggung rugi oleh pemohon terhadap apa-apa tuntutan yang dibuat terhadap Bank akibat pembayaran yang dibuat oleh Bank dengan mengemukakan Sijil Kematian asal berserta salinan, Surat

Akaun Berkanun dan Jaminan Gantirugi serta dokumen-dokumen lain sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak Bank.

18.2 Pemohon hendaklah berumur 18 tahun ke atas dan mengikut turutan seperti berikut:

- 18.2.1 Pemegang Amanah
- 18.2.2 Suami/Isteri/Anak-anak berumur 18 tahun dan ke atas
- 18.2.3 Ibubapa/Penjaga yang sah
- 18.2.4 Adik-beradik kandung/tiri
- 18.2.5 Saudara-mara terdekat yang boleh memberi bukti bahawa mereka ada hubungan dengan simati.

18.3 Bagi permohonan sebanyak RM3,000 dan ke atas untuk akaun selain akaun bersama, permohonan boleh dilakukan oleh pemohon setelah mendapat Surat Kuasa Perintah atau perintah daripada Pengarah Insolvensi Malaysia yang diterima pakai oleh pihak Bank (mana-mana yang terpakai).

18.4 Bagi akaun bersama sahaja, permohonan boleh dibuat seperti berikut :

18.4.1 Permohonan hendaklah dibuat oleh oleh Pemegang akaun bersama yang masih hidup dengan mengemukakan sijil kematian asal beserta salinan, Surat Akaun Berkanun dan Jaminan Gantirugi serta dokumen-dokumen lain sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak Bank.

18.4.2 Bagi akaun bersama melibatkan satu penandatanganan yang dibenarkan :

18.4.2.1 Salah seorang meninggal dunia

Wang di dalam akaun bersama tersebut hendaklah diserahkan kepada pemegang akaun bersama yang masih hidup setelah Bank menerima permohonan daripada pemegang akaun yang masih hidup tersebut.

18.4.2.2 Dua atau lebih meninggal dunia

Wang di dalam akaun bersama tersebut hendaklah diserahkan kepada pemegang akaun bersama yang masih hidup setelah Bank menerima permohonan daripada pemegang akaun yang masih hidup tersebut.

18.4.2.3 Salah seorang meninggal dunia dan pemegang akaun bersama yang masih hidup adalah *minor*

Wang di dalam akaun tersebut akan dibekukan sehingga Bank menerima Suratkuasa Perintah daripada Wasi atau Pentadbir harta simati. Bank hendaklah menyerahkan wang di dalam akaun tersebut sepertimana dinyatakan dalam Suratkuasa Perintah.

18.4.2.4 Semua meninggal dunia

Wang di dalam akaun tersebut akan dibekukan, Bank akan menyerahkan keseluruhan wang tersebut kepada Wasi atau Pentadbir harta kepada mana-mana pemegang akaun bersama yang pertama sekali membuat permohonan dengan mengemukakan Suratkuasa Perintah.

18.4.3 Tertakluk kepada Section 18.4.1 di atas, bagi akaun bersama yang melibatkan dua atau lebih penandatanganan yang dibenarkan :

18.4.3.1 Salah seorang meninggal dunia

Wang di dalam akaun bersama tersebut akan dibekukan sehingga Bank menerima permohonan daripada pemegang akaun bersama yang masih hidup beserta kebenaran bertulis daripada semua penandatanganan yang dibenarkan yang lain dan

Suratkuasa Perintah bagi membolehkan akaun tersebut diaktifkan semula.

18.4.3.2 Dua atau lebih meninggal dunia

Wang di dalam akaun bersama tersebut akan dibekukan sehingga Bank menerima permohonan daripada pemegang akaun bersama yang masih hidup beserta kebenaran bertulis daripada semua penandatanganan yang dibenarkan yang lain dan Suratkuasa Perintah bagi membolehkan akaun tersebut diaktifkan semula.

18.4.3.3 Salah seorang meninggal dunia dan pemegang akaun bersama yang masih hidup adalah *minor*

Wang di dalam akaun tersebut akan dibekukan sehingga Bank menerima Suratkuasa Perintah daripada Wasi atau Pentadbir harta simati. Bank hendaklah menyerahkan wang di dalam akaun tersebut sepertimana dinyatakan di dalam Suratkuasa Perintah. Bayaran oleh Bank berhubung dengan jumlah baki di dalam akaun bersama tersebut hendaklah menjadi pelepasan yang sempurna oleh pihak Bank berkenaan akaun tersebut.

18.4.3.4 Semua meninggal dunia

Wang di dalam akaun tersebut akan dibekukan. Bank akan menyerahkan keseluruhan wang kepada Wasi atau Pentadbir harta kepada mana-mana pemegang akaun bersama yang pertama sekali membuat permohonan dengan mengemukakan Suratkuasa Perintah. Bayaran oleh pihak Bank berhubung dengan jumlah baki di dalam akaun tersebut hendaklah menjadi pelepasan yang sempurna oleh pihak Bank berkenaan akaun tersebut.

18.4.4 Bayaran oleh pihak Bank berhubung dengan jumlah baki di dalam akaun tersebut hendaklah menjadi pelepasan yang sempurna oleh pihak Bank berkenaan akaun tersebut.

18.5 Sekiranya permohonan melibatkan akaun amanah di mana kanak-kanak telah mencapai umur 18 tahun, kanak-kanak tersebut boleh membuat penutupan akaun tanpa mengira jumlah baki akaun setelah pihak bank mendapat pengesahan bahawa pemegang amanah telah meninggal dunia.

18.6 Pengeluaran akaun simati dan/atau melibatkan simati adalah tertakluk kepada polisi Bank dari semasa ke semasa.

19. PEMBEKUAN AKAUN DAN PENAMATAN KHIDMAT KAD AGRO VISA DEBIT-*i*

19.1 Pihak Bank adalah berhak pada bila-bila masa untuk mengikut budi bicaranya dan tanpa apa-apa notis terlebih dahulu kepada Pelanggan, tidak melaksanakan atau menjalankan apa-apa transaksi termasuk tetapi tidak terhad kepada pembayaran apa-apa wang, cek atau apa-apa instrumen lain atau apa-apa arahan pembayaran daripada akaun Pelanggan dan/atau pungutan cek, deposit wang atau apa-apa instrumen lain atau apa-apa arahan untuk melaksanakan penerimaan bayaran ke dalam akaun Pelanggan ("Pembekuan Akaun") apabila tidak terhad kepada berlakunya mana-mana satu daripada peristiwa yang berikut :-

- a) Menurut keperluan di bawah undang-undang, perintah mahkamah, peraturan, enakmen atau polisi Bank,
- b) Jika pemegang akaun meninggal dunia, jika pemegang akaun adalah individu, atau penandatanganan yang dibenarkan untuk mengendalikan akaun bagi perkongsian dan/atau syarikat atau apa-apa entiti yang sah tertentu. Bank akan terus melaksanakan Pembekuan Akaun sehingga mandat baru atau penandatanganan yang dibenarkan yang baru diberikan kepada Bank.
- c) Apabila Bank diberitahu atau menyedari bahawa Pelanggan telah melakukan tindakan kebangkrapan dan/atau petisyen untuk pembubaran atau untuk kebangkrapan telah dikemukakan

terhadap Pelanggan.

- d) Sekiranya Bank menerima laporan polis dibuat sama ada oleh pihak Bank atau mana-mana pihak berkenaan dengan akaun.
 - e) Apabila Bank mengetahui tentang keupayaan mental Pelanggan untuk menguruskan akaun Pelanggan adalah diragui.
 - f) Apabila Bank mengesyaki apa-apa aktiviti penipuan berhubung dengan Akaun Deposit dan Bank mengikut pendapat penuh dan munasabahnyanya berpandangan bahawa maklumat / dokumen yang diberikan kepada Bank untuk pembukaan Akaun Deposit didapati palsu dan/atau tidak betul dan/atau diubah dan/atau salah nyataan identiti.
 - g) Apabila Bank diberitahu dan/atau diminta oleh mana-mana pihak berkuasa termasuk tetapi tidak terhad kepada BNM, polis atau mana-mana pihak berkuasa berkanun atau kawal selia sama ada tempatan atau antarabangsa ("Pihak Berkuasa") untuk tidak membuat apa-apa transaksi di bawah Akaun Deposit Pelanggan.
 - h) Apabila Bank mengetahui tentang aduan yang telah dibuat oleh pihak ketiga dengan polis atau Pihak Berkuasa lain bahawa Akaun Deposit telah digunakan untuk menjalankan apa-apa transaksi fraud dan/atau deposit dan/atau komplot dan/atau mencari deposit haram dengan syarat budi bicara Bank untuk membekukan Akaun Deposit adalah menurut pendapat dan budi bicara penuhnya berdasarkan penyiasatan dalaman Bank sendiri atau maklumat yang diberikan kepada Bank oleh polis dan/atau Pihak Berkuasa.
- 19.2 Bagi Kad Agro Visa Debit-*i*, Bank boleh menamatkan penggunaan Kad dengan notis bertulis tanpa memberikan sebarang sebab untuk penamatan, dengan syarat Bank mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa Pemegang Kad telah menyalahgunakan Kad atau telah melanggar mana-mana Terma dan Syarat yang dinyatakan di dalam ini. Selepas penamatan tersebut, Kad akan dibatalkan serta-merta sama ada Kad dipulangkan oleh Pemegang Kad kepada Bank atau tidak.
- 19.3 Pemegang Kad pada bila-bila masa boleh menamatkan penggunaan Kad dengan menghantar notis bertulis kepada Bank dan memulangkan Kad kepada Bank. Walau bagaimanapun, tiada pemulangan yuran tahunan atau sebahagian daripadanya akan dibuat.

20. UNDANG-UNDANG YANG MENGAWAL

- 20.1 Terma dan Syarat ini hendaklah tertakluk kepada, dikawal oleh dan ditafsirkan mengikut Undang-Undang Malaysia dan kaedah-kaedah, peraturan dan garis panduan BNM dan badan-badan lain yang berkaitan, yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa (termasuk pindaan, pengubahsuaian, peningkatan, pertukaran, penggantian yang dibuat daripadanya).

21. PENYELESAIAN PERTIKAIAN

- 21.1 Apa-apa pertikaian, kontroversi atau tuntutan yang berbangkit daripada atau berhubung dengan Terma dan Syarat ini, atau pelanggaran, penamatan atau ketidaksahan apa-apa perkara di dalam Terma dan Syarat ini, bolehlah diselesaikan setakat mana yang boleh melalui rundingan dan persetujuan bersama.
- 21.2 Kesemua pihak tidak dapat mencapai persetujuan bersama di dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas notis daripada mana-mana Pihak yang berkenaan, maka pertikaian hendaklah diselesaikan melalui timbangtara. Keputusan penimbang tara adalah muktamad dan mengikat kesemua pihak.

22. INDEMNITI

22.1 Pelanggan hendaklah mengganti rugi sepenuhnya kepada Bank terhadap apa-apa kerosakan, kerugian atau perbelanjaan yang mungkin ditanggung atau dialami oleh Bank akibat daripada kegagalan Pelanggan dalam melaksanakan apa-apa kewajipannya berhubung dengan Terma dan Syarat ini.

23. YURAN DAN CAJ

23.1 Caj-caj yang dikenakan adalah berdasarkan kadar caj semasa Bank dan tertakluk pada Cukai Barangan dan Perkhidmatan (sekiranya ada) atau apa-apa cukai yang ditetapkan oleh Menteri yang berkenaan (sila rujuk Laman Sesawang Agrobank di www.agrobank.com.my). Pihak Bank hendaklah mematuhi segala peraturan-peraturan dan keputusan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

23.2 Bagi penggunaan Kad Agro Visa Debit-*i*, pihak Bank berhak untuk mengenakan Caj pra-kebenaran dimana ia merujuk kepada amaun pra-kebenaran yang akan didebitkan melalui Akaun apabila Pemegang Kad mengisi petrol dan membuat pembayaran menggunakan Kad di dispenser minyak automatik atau membuat bayaran untuk pendaftaran bilik di hotel menggunakan Kad atau apa-apa transaksi lain yang memerlukan kepada caj pra-kebenaran. Caj pra-kebenaran yang dimaksudkan adalah untuk kelulusan transaksi sahaja. Jumlah pra-kebenaran akan dilepaskan apabila jumlah transaksi sebenar telah didebitkan melalui Akaun.

23.3 Pelanggan bersetuju bahawa pihak Bank mempunyai hak untuk mengubah yuran dan caj-caj berkaitan dengan Akaun Deposit dan Kad Agro Visa Debit-*i* dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari atau berkomunikasi mengenai perubahan tersebut dan notis atau apa-apa komunikasi berkenaan perubahan tersebut boleh dihantar secara persendirian atau melalui pos berdaftar/biasa ke pihak Pelanggan di alamat terkini disimpan oleh pihak Bank atau dengan mempamerkan di premis Bank atau akhbar atau e-mel atau laman sesawang atau melalui perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) atau apa cara yang bersesuaian yang difikirkan oleh pihak Bank.

24. HAK UNTUK HAPUS KIRA

24.1 Pelanggan adalah bersetuju sebagai tambahan kepada lien am atau hak-hak lain yang serupa, di mana Bank sebagai jurubank adalah berhak mengikut undang-undang, pada bila-bila masa tanpa sebarang notis, mengabung atau menyatukan salah satu atau kesemua akaun Bank Pelanggan dengan sebarang liabiliti Pelanggan bersama Bank dan menolak selesai atau memindah mana-mana jumlah atau jumlah kredit yang belum selesai atau kesemua jumlah yang ada di dalam akaun Bank Pelanggan atau terhadap jumlah penyelesaian bagi mana-mana liabiliti Pelanggan, sama ada liabiliti Pelanggan tersebut adalah kontinjen, di luar jangkaan atau pada masa hadapan, pihak Bank adalah berhak untuk menahan mana-mana jumlah yang ada di dalam akaun Pelanggan bagi menampung setakat mana jumlah tanggungan Pelanggan bersama Bank.

25. FORCE MAJEURE

25.1 Walau apa pun peruntukan lain yang terkandung di sini, sekiranya pihak Bank tidak dapat untuk melaksanakan apa-apa operasi atau menyediakan apa-apa perkhidmatan kerana mana-mana sebab di luar kawalan Bank, termasuk dan tidak terhad kepada kebakaran, gempa bumi, banjir, wabak, bencana semula jadi, kemalangan, rusuhan, gangguan awam, pertikaian industri, perbuatan musuh awam, embargo, peperangan, bencana alam atau apa-apa faktor bersifat *Force Majeure* atau sebarang kegagalan atau gangguan telekomunikasi, elektrik, air, bekalan bahan api, pihak Bank tidak bertanggungjawab dalam apa jua cara ke atas sebarang kesulitan, kehilangan, kecederaan, kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang timbul daripada sebab yang sama.

26. PENDEDAHAN MAKLUMAT PELANGGAN DAN DATA PERIBADI DI BAWAH AKTA INSTITUSI KEWANGAN PEMBANGUNAN DAN AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

- 26.1 Pelanggan bersetuju membenarkan Bank untuk mengumpul, memproses, mendedahkan, memindah, menyenggara, menyimpan dan mengekalkan data peribadi Pelanggan kepada entiti lain termasuk cawangan di Malaysia dan pihak luar yang lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada pihak-pihak/badan-badan yang disenaraikan dalam perkara 26.2 di bawah.
- 26.2 Pelanggan bersetuju dan membenarkan Bank menjalankan semakan kredit dan pengesahan maklumat yang diberikan oleh Pelanggan dalam permohonan Pelanggan untuk Akaun Deposit atau perkhidmatan dengan mana-mana biro atau perbadanan kredit yang ditubuhkan untuk tujuan mengumpul dan memberikan maklumat kredit atau maklumat lain. Pelanggan juga membenarkan Bank mendedahkan hal ehwal atau akaun Pelanggan kepada :
- a) Kerajaan atau pihak berkuasa kawal selia di Malaysia dan di tempat lain, termasuk BNM, Biro Kredit, Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS), Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad ;
 - b) Pihak-pihak yang menyediakan perkhidmatan (termasuk sumber vendor penyumberan luar, peguam, penama, penjaga berdaftar atau depository sekuriti berpusat atau Pendaftar, ejen pungutan hutang) kepada Bank ;
 - c) Ejen, perunding dan penasihat profesional Bank ;
 - d) Polis atau mana-mana pegawai penyiasat yang menjalankan apa-apa penyiasatan; dan
 - e) Mana-mana orang yang pendedahan kepadanya dibenarkan atau dikehendaki oleh apa-apa undang-undang, peraturan, arahan atau permintaan kerajaan.
- 26.3 Pelanggan bersetuju bahawa pihak Bank, kakitangannya, wakil dan/atau ejennya boleh menghubungi Pelanggan dari masa ke masa melalui lawatan secara peribadi atau komunikasi lisan yang dilakukan melalui apa-apa cara komunikasi termasuk tetapi tidak terhad kepada panggilan telefon tentang apa-apa produk dan promosi perkhidmatan melainkan Pelanggan membantah secara bertulis.
- 26.4 Pelanggan mengesahkan bahawa semua maklumat dan data peribadi yang dinyatakan dalam dokumen ini semuanya benar, terkini dan tepat dan jika terdapat apa-apa perubahan dalam apa-apa maklumat atau data peribadi yang dinyatakan dalam dokumen ini, Pelanggan hendaklah memberitahu Bank dengan segera.

27. PERUNTUKAN SAMPINGAN

- 27.1 Terma dan Syarat dalam dokumen ini adalah tidak lengkap dan pihak Bank berhad menambah, mengubah suai atau menghapuskan mana-mana Terma dan Syarat dan apa-apa penambahan, pengubahsuaian atau penghapusan tersebut hendaklah mengikat ke atas Pelanggan dan dianggap telah dibawa ke perhatian Pelanggan melalui paparan di Bank dan di mana-mana cawangannya dan/atau diiklankan melalui apa-apa cara lain yang mungkin dianggap sesuai oleh Bank menurut budi bicara penuh dan mutlak serta tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip Syariah dengan notis dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh pelaksanaan. Kesemua Terma dan Syarat dahulu hendaklah dibatalkan dan digantikan dengan Terma dan Syarat ini.
- 27.2 Sekiranya terdapat apa-apa yang tidak konsisten atau terdapat percanggahan di antara Terma dan Syarat ini dengan mana-mana risalah pemasaran dan bahan-bahan promosi yang berkaitan dengan kempen atau promosi, Terma dan Syarat ini akan diguna pakai.
- 27.3 Terma dan Syarat ini dikeluarkan dalam kedua-dua Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat apa-apa yang tidak konsisten atau terdapat percanggahan di antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Malaysia ini akan diguna pakai.